

**Pemimpin Kerajaan Pusat Dan Negeri Mula Angkat Sumpah Hari Ini
Bernama
6 Mei, 2013**

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Sehari selepas berakhirnya pilihan raya umum ke-13, Pengerusi Barisan Nasional Datuk Seri Najib Tun Razak mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri, sementara di beberapa negeri turut menyaksikan pelantikan rasmi pemimpin negeri masing-masing.

Najib mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri bagi penggal kedua di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di Balai Rong Seri, Istana Negara pada pukul 4.07 petang berikutan kemenangan 133 daripada 222 kerusi Parlimen yang membolehkan parti itu membentuk semula kerajaan Persekutuan.

Najib, 59, mengulangi sejarah apabila mengangkat sumpah di hadapan Yang di-Pertuan Agong sama, seperti mana Allahyarham bapanya Tun Abdul Razak Hussein ketika mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kedua Malaysia pada 1970.

Dua negeri iaitu Kedah dan Kelantan menerima Menteri Besar yang baharu, manakala Sabah mengekalkan Ketua Menteri yang sama.

Di Alor Setar, Timbalan Pengerusi BN Kedah Datuk Mukhriz Tun Mahathir mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar di Istana Anak Bukit, selepas BN memenangi 21 daripada 36 kerusi Dewan Undangan Negeri yang dipertandingkan.

Sebelum ini, Kedah ditadbir kerajaan PAS selama lima tahun dengan Datuk Seri Azizan Abdul Razak sebagai menteri besar.

Di Kota Bharu, Timbalan Pesuruhjaya I PAS Kelantan Datuk Ahmad Yakob dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan ke-18 menggantikan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang menyandang jawatan itu sejak 1990.

Ahmad yang sebelum ini merupakan timbalan menteri besar mengangkat sumpah di hadapan Sultan Kelantan Sultan Muhammad V di Istana Negeri Kubang Kerian.

Pilihan raya umum semalam menyaksikan PAS kekal mentadbir negeri itu selepas menguasai 32 daripada 45 kerusi Dewan Undangan Negeri.

Sementara itu, di Kota Kinabalu, Datuk Seri Musa Aman kembali mengetuai kepimpinan Sabah setelah dilantik semula sebagai Ketua Menteri bagi penggal keempat.

Beliau mengangkat sumpah di hadapan Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin di Istana Negeri pada pukul 5.10 petang ini.

Selepas pilihan raya umum semalam, BN mengekalkan pemerintahan Sabah dengan majoriti dua pertiga apabila menguasai 48 daripada 60 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Negeri Melaka dan Johor juga bakal menerima Ketua Menteri dan Menteri Besar baharu berikutan peralihan penyandangannya dari kerusi DUN ke Parlimen.

Bekas ketua menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam beralih dari DUN Bukit Baru ke

Parlimen Bukit Katil, manakala bekas menteri besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman meninggalkan DUN Serom ke Parlimen Gelang Patah.

Bagaimanapun kedua-dua mereka gagal memenangi kerusi Parlimen yang ditandingi.

Beberapa buah negeri dijangka melantik pemimpin masing-masing esok termasuk Perak dan Pulau Pinang, manakala Selangor memberi tempoh seminggu sebelum menamakan Menteri Besar baharu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=947932>